


Serius, tenang dan riang di Perhimpunan



PERHIMPUNAN Agung UMNO Ke-32 berlinggung dalam suasana tenang. Hampir 2,000 para perwakilan dan pemerhati lebih menumpukan perhatian ke arah Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang duduk di pentas khas.

Di saat-saat serius seperti waktu penentuan pilihan Majlis Tertinggi, mereka akan serius dan tenang. Mereka enggan berkecap antara satu sama lain.

Tapi, ada juga detik-detik yang membolehkan mereka berhat dan bergurau sonda seperti membaca akhbar dan berbual sesama sendiri.

Memang begitu tradisi setiap kali berlinggungnya Perhimpunan Agung UMNO. Baik para pemimpin dan perwakilan, mereka akan

menggunakan peluang itu untuk bertemu dan bertukar fikiran.

Tapi di waktu pemilihan, mereka serkap tegas dan tidak mudah terpengaruh dengan pujuk rayu. Mereka mengundi pemimpin yang disukai dan berkena di hati.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dipilih sebagai Presiden UMNO yang baru dan Datuk Musa Hitam selaku Timbalannya mengangap perhimpunan kali ini adalah detik-detik bersejarah bagi mereka berdua.

Para perwakilan menerima keputusan itu dengan tenang hati. Mereka menerima hakikat menang kalah dalam sesuatu pertandingan.

Datuk Musa, misalnya, mengadakan kenduri kesyukuran di

kediamannya di Jalan Gurney, Kuala Lumpur, malam tadi.

Belliau bersyukur kepada Tuhan dan berterimakasih kepada para perwakilan yang menyokongnya.

Manakala Tengku Razaleigh Hamzah pula menerima keputusan kekalahan dengan tenang.

Belliau akur dengan pemilihan dari para perwakilan.

Perhimpunan kali ini dianggap bersejarah. Lebih 5,000 orang termasuk para pemerhati datang ke Kuala Lumpur khusus untuk mengetahui keputusan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO yang baru.

Mereka datang sejak beberapa hari lalu untuk turut sama menyaksikan upacara perletakan batu asas Kompleks Ibu pejabat UMNO di Jalan Tun Ismail.

■DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad (baris kedua) bersama Ahli Majlis Tertinggi UMNO lainnya mengundi untuk memilih ahli-ahli MP yang baru.



■PRESIDEN UMNO yang baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Naib Presiden, Encik Abdul Ghaffar Baba sedang membincangkan sesuatu.



■TENGGU Razaleigh Hamzah tersenyum saja membaca akhbar yang melaporkan beliau terus dalam pemilihan Timbalan Presiden UMNO. Manakala, Senator Datuk Mustafa Jabar di sebelahnya juga tersenyum.



■DATUK Mohamad Rahmat begitu serius sekali mendengar pesanan Datuk Musa Hitam.

UMNO terima konsep pimpinan barisan pelapis

KUALA LUMPUR. Sabtu — Calon Naib Presiden, Datuk Rais Yatim berkata, UMNO menerima konsep barisan pemimpin yang berlandaskan "pelapis" berlandaskan undi yang diterimanya dalam pemilihan jawatan tersebut di Perhimpunan Agung UMNO semalam.

Dalam satu wawancara dengan Berita Minggu, beliau berkata, "Meakipun saya kalah, namun undi yang saya peroleh itu membuktikan bahawa UMNO menerima konsep pemimpin barisan kedua."

"Saya tidak akan mengecewakan perwakilan yang aman saya dan akan terus berkhidmat kepada Parti demi kepentingan bangsa dan negara," kata Besar Negeri Sembilan.

Dalam merujuk jawatan Naib Presiden

semalam, Datuk Rais kalah 5 undi. Beliau mendapat 70 undi, manakala pemenang terdekat — Menteri Luar Negeri, Tengku Abdul Rizauddeen mendapat 71 undi.

Dua orang yang lain yang berjaya memegang jawatan tersebut ialah Encik Ghaffar Baba (869 undi) dan Datuk Harun Idris (737 undi).

Datuk Rais dengan ikhlas menyatakan bahawa beliau sendiri tidak percaya dapat undi yang begitu besar.

"Memadangkan kali pertama beliau bertanding," Datuk Rais berkata, "Saya memang terharu bila dapat undi yang begitu besar dan kepercayaan yang diberi oleh perwakilan kepada saya."

"Saya hanya dapat mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi kepercayaan kepada saya," katanya.

Datuk Rais berkata, beliau akan memenuhi kehendak ahli-ahli UMNO keseluruhannya sebagai peralihan di masa akan datang.

Sementara itu, Encik Abdul Ghaffar Baba hari ini berikrar untuk terus berkhidmat sebagai kepimpinan Parti dan berkhidmat sebagai perwakilan.

Belliau juga berikrar akan memberi sokongan kepada pucuk pimpinan baru dan tidak akan mengabaikan mana-mana yang diberikan oleh perwakilan.

"Kemungkinan diri saya tidak menang. Kepada saya kekuatan Parti yang menjadi perihungan besar," tegas beliau.

Katanya, di bawah pimpinan UMNO, masa depan negara cerah dan yakin keputusan pemilihan Majlis Tertinggi itu tidak menjatuhkan perpaduan Parti.

"Saya berharap, pemodal-pemodal akan terus menaruh modal dan mengkalakan kepercayaan kepada Kerajaan yang baru."

Bahan asal dari Arikh Negara Malaysia